

KAJIAN ANTROPOMETRI KANAK-KANAK MALAYSIA

Naimah Mohd Salleh, Mumtazah Othman, Sharizal Bahari, Siti Balkis Bari dan
Shamsul Azahari Zainal Badari.
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Abstract

Anthropometry plays an important role in industrial design, clothing design, ergonomics, and architecture, where statistical data about the distribution of body dimension in the population are used to optimize products. Changes in life styles, nutrition and ethnic composition of populations led to changes in the distribution of body dimension and requires regular updating of anthropometry data collection. This study examined anthropometry data of children in Malaysia. The purpose of this study is to describe and compare body measurement of urban and rural children between the ages of 5 and 6 years. Data were collected from twelve pre-schools in Selangor Malaysia. Three-hundred and three pre-school children were randomly selected for this study. A standard anthropometric technique and tools were used. Fourty one body measurements were taken from each on subject. Data were analysed using SPSS program. Correlation coefficients were utilized to determine the relationships between background and body dimensions for the children population. Data from this study can further be used to develop pattern drafting system.

Pengenalan

Antropometri ialah cabang sains yang didefinisikan sebagai pengukuran tubuh badan manusia. Ukuran antropometri dan ergonomik mempunyai hubung kait yang sinonim antara satu sama lain. Ukuran antropometri merangkumi berat badan, ketinggian, lilitan pinggang dan pinggul dan bahagian-bahagian tubuh badan yang lain. Salah satu aplikasi data kajian antropometri adalah dalam mereka bentuk saiz pakaian. Hal ini disebabkan saiz pakaian mempunyai hubung kait dengan dimensi tubuh manusia. Saiz pakaian berbeza-beza antara satu generasi dengan generasi yang lain walaupun individu tersebut mempunyai pertalian keluarga seperti saudara kembar. Hal ini menimbulkan masalah dari segi kesesuaian pakaian mengikut tubuh badan. Kesesuaian pakaian dengan tubuh adalah faktor yang penting yang menyumbang kepada keyakinan dan keselesaan si pemakai (Alexander, 2005). Masalah tiada saiz yang bersesuaian menyebabkan pengguna sentiasa tidak berpuas hati dengan pembelian yang dilakukan.

Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi ukuran antropometri seseorang. Faktor-faktor tersebut ialah individu, gender, etnik, generasi dan perubahan gaya hidup (Fernandez, 1995). Perubahan dalam gaya

hidup, nutrisi dan komposisi etnik akan mempengaruhi ciri-ciri dimensi badan (Wikipedia, 2006).

Data ukuran saiz pakaian yang sesuai amat penting kepada pengilang, peruncit, dan pengguna. Data yang tepat dapat membantu pihak pengilang menghasilkan pakaian mengikut struktur badan dan penampilan pengguna (Alexander, Connel dan Presley, 2005). Bagi pengguna, dengan adanya saiz yang tertentu pada label pakaian, ia dapat membantu mereka memilih pakaian yang sesuai. Oleh itu, ia dapat meningkatkan kepuasan pembelian mereka dan mereka boleh mengambil tindakan yang tepat jika menghadapi sebarang masalah dalam pembelian.

Salah satu kelompok pengguna yang aktif dalam menukar pakaian ialah golongan kanak-kanak. Kajian oleh McNeal (1990) di United Kingdom mendapati bahawa kanak-kanak dalam lingkungan umur 10 tahun, aktif meminta dibelikan mereka pakaian dan sering mengunjungi pusat membeli-belah bersama-sama ibu bapa mereka. Kanak-kanak juga individu yang cepat mengalami pembesaran tubuh badan. Semasa proses tumbesaran, badan manusia mengalami peningkatan dalam saiz dan mengalami perubahan dalam pelbagai bahagian tubuh badan (Pietrobelli dan Tato, 2005). Jesteru, kajian berhubung keperluan mendapatkan ukuran antropometri khas untuk pakaian perlu dijalankan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang masih tidak mempunyai ukuran saiz pakaian yang spesifik khasnya ukuran untuk kanak-kanak. Saiz pakaian yang digunakan sekarang adalah berdasarkan sistem pengukuran antropometri dari luar negara

yang telah diubah suai. Memandangkan ketiadaan saiz pakaian yang berasaskan ukuran kanak-kanak Malaysia, maka wajarlah kajian ini dijalankan.

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ukuran antropometri badan kanak-kanak prasekolah, serta meneliti sama ada terdapat perbezaan ukuran antropometri antara jantina, umur dan lokasi kajian.

Penulisan Semula Kajian

Antropometri bermaksud kajian pengukuran badan manusia yang juga boleh didefinisikan sebagai kajian sains pengukuran badan manusia (Ulijaszek dan Mascie, 1994). Antropometri berkaitan dengan pengukuran fizikal seseorang individu tersebut, khususnya saiz dan bentuk badannya (Pheasant, 1996). Kaedah pengukuran antropometri telah berkembang sejak zaman dahulu dan telah menjadi semakin berkualiti dari segi data yang boleh diharapkan untuk mengukur badan manusia dalam sesebuah populasi tertentu.

Setiap negara di dunia sedang berusaha untuk melengkapkan data antropometri masing-masing bagi pelbagai jenis populasi (Bolstad, 2001). Perbezaan etnik adalah merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi data antropometri, iaitu Pheasant (1996) menegaskan bahawa variasi bentuk badan bagi setiap golongan etnik yang berbeza-beza boleh dilihat dari segi saiz badan dan nisbah keseluruhan badan bagi populasi tertentu. Malah, perbezaan data antropometri daripada pelbagai etnik lebih berbeza dari perbezaan data antropometri antara negara. Negara yang berbeza-beza tetapi mempunyai etnik yang sama juga mungkin mempunyai data

antropometri yang berlainan disebabkan perbezaan sosial dan persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan seseorang tersebut (Strydom dan Klerk, 2006).

Dapat dibuktikan bahawa jantina, umur, bangsa dan pekerjaan seseorang mempengaruhi data antropometri mereka (Al-Haboubi, 2002). Walau bagaimanapun, untuk merangkumi data sesebuah populasi sama ada ia terdiri daripada satu komuniti kecil atau golongan kanak-kanak ataupun penduduk bandar besar, faktor seperti jantina, umur, bangsa dan aktiviti mereka tidak boleh digunakan untuk menggambarkan sesebuah populasi tersebut secara keseluruhan. Data antropometri sesebuah populasi diperoleh dengan mencampur pelbagai jenis dan bentuk manusia bagi pelbagai jantina, bangsa, umur dan aktiviti yang dilakukan untuk menggambarkan sesebuah populasi tersebut (Al-Haboubi, 2002).

Dalam pengukuran antropometri, populasi diambil untuk membuat sistem antropometri sebagai asas untuk sistem saiz pakaian dan *foot wear* (kasut, sarung kaki dan sebagainya) (Ujevic *et al.*, 2004). Sejumlah 55 kelas umur termasuk kanak-kanak, kanak-kanak prasekolah, kanak-kanak sekolah, remaja dan orang dewasa yang berumur antara 20 tahun hingga 82 tahun diambil ukuran antropometri mereka. Keputusan daripada hasil ini digunakan untuk membentuk Sistem Antropometri Kebangsaan Rakyat Croatia. Data ukuran antropometri ini digunakan untuk membentuk pensaihan pakaian dan saiz kasut kebangsaan bagi rakyat Croatia.

Ergonomik ialah penciptaan suatu produk yang mengambil kira bentuk, saiz dan

struktur badan manusia yang tepat (Fernandez, 1995). Pembentukan produk yang ergonomik mampu memberi keselesaan kepada pengguna, khasnya kanak-kanak. Saiz ukuran yang standard diperlukan untuk membentuk produk yang ergonomik. Saiz ukuran yang standard ini didapati melalui pengukuran antropometri (Fernandez, 1995). Dengan adanya saiz ukuran badan yang standard ia akan memudahkan kehidupan dan pelbagai alatan dapat dicipta bagi memenuhi keperluan hidup manusia. Penciptaan produk, pakaian dan alatan keperluan hidup akan memudahkan kehidupan pengguna khasnya kanak-kanak sekiranya penciptaannya berdasarkan saiz ukuran yang standard. Saiz standard diperolehi daripada ukuran antropometri ke atas sekumpulan individu.

Saiz standard pada masa kini tidak menepati bentuk tubuh seseorang (Connell, Ulrich, Knox, Hutton, Woronka dan Bruner, 2003). Hal ini adalah kerana sistem saiz kini tidak benar-benar menggambarkan sesebuah populasi tersebut. Selain itu, pengumpulan data antropometri juga dibuat oleh mereka yang tidak profesional dan akhirnya menghasilkan data antropometri yang tidak tepat dan mempunyai ralat. Carta saiz kini menggunakan standard sistem saiz yang sudah ketinggalan zaman dan tidak boleh digunakan untuk menggambarkan populasi pada masa kini (Anderson, 2005). Menurut Chun dan Jasper (2003), masalah yang selalunya berkait rapat dengan sistem saiz kini terhasil daripada sistem saiz yang telah dihasilkan daripada data antropometri yang sudah ketinggalan zaman dan juga kekurangan satu set sistem saiz yang boleh merangkumi pelbagai variasi saiz yang wujud bagi satu populasi tertentu.

Sampel kajian

Sampel kajian terdiri daripada 129 orang kanak-kanak lelaki dan 174 orang kanak-kanak perempuan yang berumur dalam lingkungan 5 hingga 6 tahun. Responden dipilih secara rawak berperingkat dan masih belajar di Tabika KEMAS di negeri Selangor.

Lokasi kajian adalah di 12 buah Tabika KEMAS yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar di negeri Selangor. Maklumat tentang tabika ini diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Selangor (KEMAS). Lokasi dan persampelan kajian ini dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1: Lokasi dan Pensampelan

Kawasan	Nama Tabika	Bilangan Responden	Peratus (%)
Luar Bandar			
Hulu Langat	T.K Anggerik A	24	7.92
	T.K Anggerik B	15	4.95
	T.K FASA 1, B.B.B	25	8.25
	T.K Sesyen 2A	24	7.92
	T.K Sesyen 2B	18	5.94
	T.K Sesyen 4A	22	7.26
	T.K Sesyen 4B	20	6.6
Bandar Puchong	T.K Al-Ihsan	29	9.57
	T.K An-Nurindah 1	29	9.57
	T.K Bt. 13 Puchong	40	13.2
	T.K Ibnul-Quyum	25	8.25
	T.K Permai Bistari	32	10.56
Jumlah		303	100

T.K=Tabika KEMAS

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian utama. Iaitu (i.) meliputi maklumat latar belakang responden dan (ii.) meliputi maklumat ukuran antropometri responden. Maklumat latar belakang responden terdiri daripada umur, jantina, bangsa dan pendapatan keluarga. Maklumat ukuran antropometri responden pula mengandungi 41 ukuran antropometri yang terdiri daripada 5 kategori iaitu tinggi (cm), berat badan (kg), panjang (cm), lilitan (cm) dan lebar (cm). Bagi pengukuran kategori panjang iaitu panjang, depan badan, panjang bahu ke bahu, panjang bahu ke pegelangan tangan, panjang bahu ke pinggang, panjang belakang badan, panjang bahu, panjang tepi luar, panjang tepi dalam, panjang depan tengah, panjang belakang tengah, panjang pinggang ke punggung, panjang kelengkang (*crotch*), panjang permukaan tangan dan panjang permukaan kaki. Antara pengukuran yang diperlukan dalam kategori lilitan ialah lilitan kepala, lilitan leher, lilitan dada, lilitan pinggang, lilitan punggung, lilitan lengan, lilitan pergelangan lengan, lilitan betis, lilitan lubang lengan, lilitan bawah perut, lilitan siku, lilitan lutut, lilitan peha dan lilitan pergelangan kaki. Terdapat dua pengukuran dalam kategori lebar iaitu lebar, permukaan kaki dan lebar permukaan tangan.

Peralatan pengukuran badan yang digunakan adalah *Seca Bodymaster 208* untuk mengukur tinggi, *Tanita Digital bathroom Scale HD-312* untuk mengukur berat badan, pita pengukur untuk mengukur lilitan dan lebar, serta tali (*cotton twin*) digunakan

sebagai penanda bahagian-bahagian badan tertentu.

Responden diminta memakai pakaian nipis dan tidak memakai kasut semasa ukuran diambil. Min bacaan dicatatkan setelah dua kali bacaan bagi setiap ukuran badan responden diambil. Pengukuran yang diambil adalah dirujuk, daripada tiga rujukan iaitu *American Standard for Testing Material (ASTM, 1970)*, *Antropometric Standardization Reference Manual (1991)* dan *Antropometry Procedures Manual (2004)*.

Penganalisan Data

Perisian komputer SPSS 13.0 (*Statistical Package for Social Science 13.0*) telah digunakan untuk memproses data yang telah dikumpul. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Korelasi Pearson dijalankan untuk melihat perkaitan antara ukuran-ukuran badan yang diambil. Ujian-t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan ukuran badan antara responden bandar dengan luar bandar dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian akan membincangkan berkenaan latar belakang responden, pengukuran badan responden, perkaitan antara ukuran-ukuran badan responden lelaki dan perempuan serta perbezaan ukuran badan responden lelaki dan perempuan bandar dan luar bandar.

Jadual 2 menunjukkan maklumat latar belakang responden. Bilangan responden perempuan (57.4%) adalah melebihi lelaki

(42.6%). Responden berumur 6 tahun adalah paling ramai, iaitu seramai 234 (77.2%) orang. Hal ini menunjukkan kanak-kanak berumur 6 tahun telah bersedia untuk masuk ke darjah satu pada tahun berikutnya. Pendapatan bulanan keluarga responden adalah antara RM800 hingga RM6500 dengan purata RM2549 sebulan. Lebih kurang 24.7% pendapatan keluarga responden berada dalam lingkungan RM1500 hingga RM2000. Terdapat 17.5% pendapatan keluarga responden di bawah RM1500 manakala yang lainnya melebihi RM2001.

Pengukuran Antropometri Responden

Jadual 3 menerangkan statistik deskriptif 41 ukuran antropometri responden lelaki dan perempuan. Daripada maklumat yang didapati, purata ukuran antropometri kanak-kanak lelaki berumur 6 tahun, adalah lebih besar berbanding dengan ukuran antropometri kanak-kanak lelaki 5 tahun kecuali bagi ukuran lilitan pinggang (5 tahun = 51.9cm, 6 tahun = 51.2cm), lilitan bawah perut (5 tahun = 53.9cm, 6 tahun = 53.2cm), lilitan lubang lengan (5 tahun = 25.9sm, 6 tahun = 26.6sm) dan panjang pinggang ke punggung (5 tahun = 13.2sm, 6 tahun = 13sm).

Melalui Jadual 3, didapati min bagi semua ukuran responden perempuan berumur 6 tahun adalah lebih tinggi daripada min ukuran responden perempuan 5 tahun. Kanak-kanak lelaki 5 tahun mempunyai ukuran antropometri yang lebih berbanding dengan kanak-kanak perempuan dalam kategori umur yang sama, kecuali bagi ukuran tinggi lutut (lelaki= 29.40cm,

perempuan = 29.71cm), lilitan lubang lengan (lelaki = 25.90cm, perempuan = 26.18cm), lilitan siku (lelaki = 17.17cm, perempuan = 17.31cm), lilitan lutut (lelaki = 23.05cm, perempuan = 23.64cm), panjang permukaan kaki kanan (lelaki = 17.12cm, perempuan = 17.23cm) dan panjang permukaan kaki kiri (lelaki = 17.18cm, perempuan = 17.20cm).

Jadual 2: Latar Belakang Responden

Demografi	Bilangan n = 303	Peratus (%)
<i>Etnik</i>		
Melayu	297	98
Cina	1	0.3
India	5	1.7
<i>Jantina</i>		
Lelaki	129	42.6
Perempuan	174	57.4
<i>Umur</i>		
5	69	22.8
6	234	77.2
<i>Kawasan</i>		
Luar Bandar	148	48.8
Bandar	155	51.2
<i>Pendapatan</i>		
≤ 1500		
1501 – 2000		
2001 – 2500		
2501 – 3000		
≥ 3001	53	17.5
	75	24.7
	60	19.8
	55	18.2
	60	19.8

Jadual 3: Min dan SP Responden Lelaki dan Perempuan 5 dan 6 Tahun

Ukuran	Lelaki				Perempuan			
	Min		Sisihan Piawai		Min		Sisihan Piawai	
	5 Tahun (n=27)	6 Tahun (n=102)	5 Tahun (n=27)	6 Tahun (n=102)	5 Tahun (n=42)	6 Tahun (n=132)	5 Tahun (n=42)	6 Tahun (n=132)
Tinggi	106.75	110.71	7.02	4.69	105.60	110.18	4.92	5.46
Tinggi Lutut	29.4	30.1	3.37	2.75	29.71	30.33	2.06	2.20
Tinggi Kaki	5.52	5.87	0.7	0.68	5.41	5.76	0.71	0.74
Berat	17.56	18.14	3.94	2.78	16.88	17.93	2.85	3.19
Lilitan Kepala	49.65	50.1	2.1	1.53	49.04	49.84	2.04	1.96
Lilitan Muka	50.55	51.15	2.56	1.92	50.00	51.08	2.55	2.38
Lilitan Leher	26.84	27.11	2.64	2.01	26.54	26.69	1.83	1.95
Lilitan Pinggang	51.86	51.15	5.76	3.92	50.04	51.46	3.87	5.78
Lilitan Bawah Perut	53.91	53.24	5.56	4.05	52.64	53.93	3.75	4.91
Lilitan Dada	52.28	52.52	5.69	4.16	50.59	52.12	3.99	4.82
Lilitan Punggung	56.26	56.31	5.69	4.56	55.14	56.80	4.37	5.36
Lilitan Lengan	16.72	16.9	1.71	1.32	16.52	16.87	1.54	2.08
Lilitan Lubang Lengan	25.9	26.56	2.49	3.06	26.18	26.45	2.65	2.35
Lilitan Siku	17.17	17.5	2.09	1.48	17.31	17.52	1.80	1.88
Lilitan Pegelangan Lengan	12.5	12.66	1.3	1.09	12.36	12.53	1.19	1.24
Lilitan Paha	27.6	28.81	2.48	2.63	28.54	28.66	2.93	2.65
Lilitan Lutut	23.05	23.95	2.33	2.38	23.64	23.77	2.04	2.38
Lilitan Betis	21.54	22.4	2.26	2.34	22.14	22.15	1.78	2.17
Lilitan Pegelangan Kaki	16.36	16.43	1.73	1.33	16.31	16.43	1.49	1.40
Panjang Bahu Ke Bahu	27.09	28.08	2.62	2.99	26.47	27.82	1.94	2.52
Panjang Bahu								
Kepegelangan Tangan	38.84	39.69	3.51	2.84	38.81	39.83	2.98	2.96

Panjang Bahu Ke Pinggang	29.42	30.18	2.56	2.28	29.12	29.95	2.17	2.15
Panjang Depan Badan	26.2	26.77	2.41	1.72	25.43	26.29	2.07	1.96
Panjang Belakang Badan	26.59	27.3	2.45	1.62	25.87	26.79	2.09	1.97
Panjang Bahu	7.39	7.69	0.92	0.56	7.43	7.61	0.7	0.55
Panjang Tepi Luar	61.64	63.36	5.47	3.76	60.53	64.03	4.17	4.22
Panjang Tepi Dalam	47.22	48.46	6.16	4.7	47.13	49.62	4.25	3.69
Panjang Depan Tengah	59.38	60.14	5.88	3.74	58.87	61.00	4.43	4.38
Panjang Belakang Tengah	59.63	60.71	5.75	3.75	59.30	61.00	4.32	6.41
Panjang Pinggang Ke Punggung	13.15	12.96	1.88	1.34	12.85	13.42	1.48	2.73
Panjang Permukaan Tangan Kanan	13.74	14	1.01	0.69	13.50	13.84	0.86	0.74
Panjang Permukaan Tangan Kiri	13.69	14	1.08	0.69	13.51	13.83	0.84	0.74
Panjang Permukaan Kaki Kanan	17.12	17.82	1.22	1	17.23	17.81	1.03	1.02
Panjang Permukaan Kaki Kiri	17.18	17.82	1.18	1	17.20	17.81	1.03	1.01
Lebar Badan Depan	22.31	23.43	1.83	1.35	22.21	23.11	1.56	1.47
Lebar Badan Belakang Lebar	22.65	23.85	1.91	1.34	22.47	23.56	1.61	1.53
Permukaan Tangan Kanan	5.98	6.07	0.51	0.53	5.77	5.97	0.38	0.40
Lebar Permukaan Tangan Kiri	5.93	6.03	0.51	0.39	5.76	5.92	0.36	0.39
Lebar Permukaan Kaki Kanan	7.23	7.19	0.64	0.5	7.03	7.12	0.56	0.50
Lebar Permukaan Kaki Kiri	7.23	7.19	0.65	0.49	7.01	7.10	0.46	0.49

Hasil analisis menunjukkan sebilangan besar ukuran antropometri responden lelaki 6 tahun adalah lebih besar berbanding dengan responden perempuan, kecuali untuk ukuran antropometri tinggi lutut (lelaki = 30.10cm, perempuan = 30.33cm), lilitan bawah perut (lelaki = 53.24cm, perempuan = 53.93cm), lilitan punggung (lelaki = 56.31cm, perempuan = 56.80cm), lilitan siku (lelaki = 17.50cm, perempuan = 17.52cm), panjang bahu kepegelangan tangan (lelaki = 39.69cm, perempuan = 39.83cm), panjang tepi luar (lelaki = 63.36cm, perempuan = 64.03cm), panjang tepi dalam (lelaki = 48.46cm, perempuan = 49.62cm), panjang depan tengah (lelaki = 60.14cm, perempuan = 61cm), panjang belakang tengah (lelaki = 60.71cm, perempuan = 61cm) dan panjang pinggang ke punggung (lelaki = 12.96cm, perempuan = 13.42cm).

Secara keseluruhannya, purata ukuran antropometri responden berumur 6 tahun adalah lebih besar daripada 5 tahun dan ukuran antropometri responden lelaki pula adalah lebih besar daripada perempuan.

Perkaitan Antara Ukuran-Ukuran Antropometri Responden Lelaki dan Perempuan

Jadual 4(a) menunjukkan hubungkait 41 ukuran antropometri responden lelaki dan 4(b) ukuran antropometri responden perempuan. Hasil analisis menunjukkan ketinggian badan responden lelaki mempunyai perkaitan signifikan dengan semua ukuran antropometri, terutama bagi ukuran panjang tepi luar ($r = 0.815^{**}$, $p \leq 0.01$). Terdapat perkaitan yang sederhana kuat antara ukuran tinggi dengan ukuran berat ($r = 0.743^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang tepi dalam ($r = 0.712^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang depan

tengah ($r = 0.764^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang belakang tengah ($r = 0.761^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang permukaan tangan kanan ($r = 0.718^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang permukaan tangan kiri ($r = 0.729^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang permukaan kaki kanan ($r = 0.777^{**}$, $p \leq 0.01$) dan panjang permukaan kaki kiri ($r = 0.780^{**}$, $p \leq 0.01$). Hal ini menunjukkan bahawa ukuran tinggi responden mempengaruhi ukuran-ukuran panjang secara positif.

Hasil analisis yang telah dijalankan menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara berat dengan semua ukuran. Berat badan mempunyai perkaitan sederhana kuat dengan panjang permukaan kaki kanan ($r = 0.734^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang permukaan kaki kiri ($r = 0.735^{**}$, $p \leq 0.01$), lebar permukaan tangan kiri ($r = 0.731^{**}$, $p \leq 0.01$) dan lebar permukaan kaki kiri ($r = 0.701^{**}$, $p \leq 0.01$). Lilitan pinggang pula mempunyai perkaitan yang sangat kuat dengan lilitan bawah perut ($r = 0.890^{**}$, $p \leq 0.01$), lilitan dada ($r = 0.799^{**}$, $p \leq 0.01$) dan lilitan punggung ($r = 0.862^{**}$, $p \leq 0.01$). Hal ini menunjukkan bahawa ukuran berat responden mempengaruhi ukuran-ukuran lebar dan lilitan secara positif. Secara keseluruhannya terdapat hubung kait antara ukuran antropometri bahagian-bahagian badan. Perkaitan antara ukuran badan ini adalah signifikan.

Jadual 4(b) menunjukkan koefisien korelasi bahagian belakang badan responden perempuan. Hasil kajian menunjukkan tinggi mempunyai perkaitan yang signifikan dengan semua ukuran antropometri kecuali bagi ukuran panjang pinggang ke punggung ($r = 0.137$, $p \leq 0.05$). Ukuran tinggi mempunyai perkaitan yang kuat dengan ukuran panjang tepi luar ($r = 0.827^{**}$, $p \leq 0.01$), panjang tepi

dalam ($r = 0.826^{**}$, $p \leq 0.01$) dan panjang permukaan kaki kiri ($r = 0.803^{**}$, $p \leq 0.01$).

Ukuran berat mempunyai perkaitan yang signifikan dengan semua ukuran antropometri kecuali bagi ukuran panjang pinggang ke punggung ($r = 0.065$, $p \leq 0.05$). Perkaitan antara ukuran berat dengan yang lain-lain ukuran badan adalah pada tahap sederhana, iaitu nilai r adalah di antara 0.3 hingga 0.7. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara ukuran lilitan pinggang dengan semua ukuran badan, kecuali bagi ukuran panjang pinggang ke punggung ($r = -0.31$, $p \leq 0.05$). Lilitan pinggang mempunyai perkaitan yang sangat kuat dengan ukuran lilitan bawah perut ($r = 0.840^{**}$, $p \leq 0.01$), lilitan dada ($r = 0.775^{**}$,

$p \leq 0.01$) dan lilitan punggung ($r = 0.753^{**}$, $p \leq 0.01$).

Data yang diperoleh mempunyai hubung kait antara satu ukuran dengan ukuran yang lain. Hal ini dapat ditunjukkan melalui perkaitan antara ukuran tinggi dengan ukuran panjang dan lebar, ukuran berat dengan ukuran lilitan badan, ukuran bahagian atas badan dengan ukuran bahagian atas badan yang lain, ukuran bahagian bawah badan dengan ukuran bahagian bawah badan yang lain, ukuran lebar kaki dengan ukuran panjang kaki dan ukuran lebar tangan dengan ukuran panjang tangan. Data ukuran-ukuran ini boleh dijadikan penanda aras dalam membina sistem saiz standard untuk pakaian kanak-kanak lelaki dan perempuan di Malaysia.

Jadual 4(a): Koesfisyen Kolerasi Ukuran Antropometri Lelaki

Ukuran	1	2	3	4	5	6	7	8
1.Tinggi	1							
2.Tinggi Lutut	.404**	1						
3.Tinggi Kaki	.531**	.579**	1					
4.Berat	.743**	.268**	.366**	1				
5.Lilitan Kepala	.498**	.336**	.313**	.499**	1			
6.Lilitan Muka	.453**	.243**	.231**	.493*	.768**	1		
7.Lilitan Leher	.428**	.413**	.539**	.403**	.305**	.274**	1	
8.Lilitan Pinggang	.352**	.184*	.232**	.680**	.490**	.452**	.331**	1
9.Lilitan Bawah Perut	.367**	.135	.164	.657**	.460**	.445**	.277**	.890**
10.Lilitan Dada	.371**	.195*	.109	.625**	.442**	.425**	.228**	.799**
11.Lilitan Punggung	.443**	.303**	.304**	.686**	.516**	.507**	.378**	.854**
12.Lilitan Lengan	.393**	.120	.141	.685**	.456**	.419**	.266**	.550**
13.Lilitan Lubang Lengan	.179*	.042	.089	.274**	.169	.145	.154	.207*
14.Lilitan Siku	.374**	.208*	.139	.581**	.394**	.344**	.217*	.526**
15.Lilitan Pegelangan Lengan	.399**	.332**	.386**	.502**	.322**	.264**	.375**	.428**
16.Lilitan Paha	.419**	.289**	.231**	.563**	.351**	.360**	.181*	.397**
17.Lilitan Lutut	.430**	.159	.054	.590**	.381**	.366**	0.89	.440**
18.Lilitan Betis	.369**	.212*	.068	.545**	.425**	.375**	.228**	.474**
19.Lilitan Pegelangan Kaki	.390**	.129	.012	.513**	.417**	.368**	.240**	.434**
20.Panjang Bahu Ke Bahu	.351**	.378**	.470**	.242**	.129	.105	.518**	.218*
21.Panjang Bahu Kepegelangan Tangan	.591**	.266**	.306**	.582**	.355**	.402**	.322**	.356**
22.Panjang Bahu Ke Pinggang	.466**	.452**	.456**	.474**	.293**	.331**	.441**	.392**
23.Panjang Depan Badan	.473**	.430**	.397**	.488**	.370**	.365**	.417**	.401**
24.Panjang Belakang Badan	.489**	.397**	.326**	.512**	.380**	.403**	.369**	.413**
25.Panjang Bahu	.502**	.303**	.168	.534**	.290**	.255**	.163	.390**
26.Panjang Tepi Luar	.815**	.287**	.369**	.682**	.406**	.498**	.310**	.367**
27.Panjang Tepi Dalam	.712**	.284**	.385**	.570**	.318**	.318**	.400**	.267**
28.Panjang Depan Tengah	.764**	.355**	.301**	.646**	.398**	.456**	.259**	.371**

29.Panjang Belakang Tengah	.761**	.325**	.286**	.635**	.388**	.459**	.227**	.350**
30.Panjang Pinggang Ke Punggung	.278**	.505**	.527**	.188*	.071	-0.14	.339**	.152
31.Panjang Kelengkang (<i>Crotch</i>)	.412**	-0.141	.002	.541**	.293**	.221*	.168	.407**
32.Panjang Permukaan Tangan Kanan	.718**	.315**	.429**	.666**	.364**	.284**	.343**	.332**
33.Panjang Permukaan Tangan Kiri	.729**	.330**	.449**	.674**	.391**	.327**	.370**	.350**
34.Panjang Permukaan Kaki Kanan	.777**	.303**	.500**	.734**	.398**	.354**	.371**	.346**
35.Panjang Permukaan Kaki Kiri	.780**	.305**	.504**	.735**	.398**	.352**	.379**	.351**
36.Lebar Badan Depan	.569**	.247**	.438**	.494**	.277**	.310**	.359**	.220*
37.Lebar Badan Belakang	.564**	.220*	.415**	.485**	.250**	.294**	.319**	.196*
38.Lebar Permukaan Tangan Kanan	.618**	.263**	.326**	.634**	.334**	.326**	.311**	.373**
39.Lebar Permukaan Tangan Kiri	.701**	.348**	.404**	.731**	.428**	.412**	.350**	.424**
40.Lebar Permukaan Kaki Kanan	.535**	.235**	.370**	.683**	.420**	.290**	.316**	.431**
41.Lebar Permukaan Kaki Kiri	.561**	.252**	.402**	.701**	.415**	.297**	.331**	.435**

86

Ukuran	9	10	11	12	13	14	15	16
9.Lilitan Bawah Perut	1							
10.Lilitan Dada	.825**	1						
11.Lilitan Punggung	.867**	.862**	1					
12.Lilitan Lengan	.532**	.565**	.573**	1				
13.Lilitan Lubang Lengan	.170	.117	.178*	.381**	1			
14.Lilitan Siku	.490**	.576**	.579**	.626**	.285**	1		
15.Lilitan Pegelangan Lengan	.336**	.368**	.401**	.439**	.106	.566**	1	
16.Lilitan Paha	.372**	.394**	.406**	.375**	.193*	.427**	.391**	1
17.Lilitan Lutut	.419**	.460**	.426**	.461**	.100	.563**	.480**	.803**
18.Lilitan Betis	.444**	.502**	.478**	.523**	.144	.541**	.501**	.707**
19.Lilitan Pegelangan Kaki	.425**	.445**	.432**	.444**	.123	.504**	.524**	.484**
20.Panjang Bahu Ke Bahu	.131	.154	.259**	.113	.111	.132	.327**	.129
21.Panjang Bahu Kepegelangan Tangan	.318**	.287**	.364**	.357**	.227**	.328**	.326**	.405**
22.Panjang Bahu Ke Pinggang	.305**	.354**	.408**	.314**	.114	.283**	.526**	.259**
23.Panjang Depan Badan	.305**	.395**	.386**	.347**	.149	.360**	.510**	.344**
24.Panjang Belakang Badan	.331**	.400**	.381**	.353**	.137	.378**	.467**	.361**

25.Panjang Bahu	.324**	.391**	.357**	.398**	-0.037	.426**	.460**	.333**
26.Panjang Tepi Luar	.374**	.410**	.409**	.376**	.171	.350**	.336**	.430**
27.Panjang Tepi Dalam	.306**	.305**	.368**	.332**	.067	.317**	.412**	.313**
28.Panjang Depan Tengah	.387**	.437**	.421**	.386**	.133	.347**	.327**	.360**
29.Panjang Belakang Tengah	.368**	.423**	.407**	.370**	.129	.341**	.302**	.366**
30.Panjang Pinggang Ke Punggung	.029	.008	.165	-0.026	.009	.050	.196*	.133
31.Panjang Kelengkang (<i>crotch</i>)	.446**	.454**	.398**	.454**	.050	.334**	.198*	.177*
32.Panjang Permukaan Tangan Kanan	.321**	.321**	.379**	.378**	.205*	.314**	.392**	.275**
33.Panjang Permukaan Tangan Kiri	.344**	.339**	.404**	.392**	.215*	.323**	.406**	.309**
34.Panjang Permukaan Kaki Kanan	.345**	.343**	.413**	.415**	.166	.353**	.392**	.409**
35.Panjang Permukaan Kaki Kiri	.349**	.347**	.416**	.413**	.156	.348**	.388**	.400**
36.Lebar Badan Depan	.184*	.147	.302**	.267**	.194*	.281**	.319**	.282**
37.Lebar Badan Belakang	.161	.113	.261**	.250**	.175*	.267**	.280**	.287**
38.Lebar Permukaan Tangan Kanan	.364**	.384**	.373**	.408**	.114	.264**	.307**	.418**
39.Lebar Permukaan Tangan Kiri	.440**	.444**	.474**	.468**	.187*	.348**	.421**	.438**
40.Lebar Permukaan Kaki Kanan	.406**	.413**	.449**	.464**	.133	.397**	.310**	.375**
41.Lebar Permukaan Kaki Kiri	.415**	.422**	.458**	.478**	.123	.409**	.326**	.375**

66

Ukuran	17	18	19	20	21	22	23	24
17.Lilitan Lutut	1							
18.Lilitan Betis	.854**	1						
19.Lilitan Pegelangan Kaki	.645**	.660**	1					
20.Panjang Bahu Ke Bahu	.021	0.58	.085	1				
21.Panjang Bahu Kepegelangan Tangan	.408**	.393**	.285**	.259**	1			
22.Panjang Bahu Ke Pinggang	.283**	.341**	.271**	.465**	.357**	1		
